



Fail: (27) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarikh: 6 Januari 2012

SIARAN MEDIA

300 PENDUDUK KAMPUNG HASSAN BAKAL DUDUKI RUMAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) PADA 2013

Hulu Selangor, 6 Januari 2012 - Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak melawat Projek Perumahan Rakyat di Kg Hassan, Hulu Selangor pada pagi ini. Turut mengiringi lawatan kerja ini ialah Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung.

2. Projek rumah teres 1 tingkat berkeluasan 700 kaki persegi sebuah ini disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah di bawah RM2500 seisi keluarga. Projek PPR Kampung Hassan yang sedang dalam pembinaan 12.82% melebihi daripada jadual sebenar (7.88%) dijangka dapat disiapkan pada Julai 2013.

3. Projek yang ini dibina di atas tapak berkeluasan 26 ekar merangkumi penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti taman permainan kanak-kanak, dewan komuniti yang boleh memuatkan seramai 500 orang, surau serta ciri eko pengekalan semula jadi anak sungai dikekalkan di dalam kawasan perumahan ini dan bakal dijadikan rekreasi semula jadi di taman ini.

4. Projek Perumahan Rakyat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini adalah inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Kos pembinaan projek sebanyak RM41 juta ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dengan anggaran sebuah rumah berharga lebih kurang RM136,000. Rumah PPR Kg Hassan ini dijangka dijual kepada penduduk di sekitar Kg Hassan, Sungai Bernam dan kawasan lain di Hulu Selangor dengan anggaran lebih kurang RM35,000.00

5. Pemilihan pembeli PPR Kampung Hassan adalah berdasarkan 133 penduduk sedia ada di Kampung Hassan yang telah berdaftar dan selebihnya adalah ditawarkan kepada pemohon tempatan yang berpendapatan rendah yang layak di kawasan sekitarnya.

6. Pemilihan pembeli akan dibuat melalui Jawatankuasa Pemilihan Pembeli yang ditubuhkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ahli jawatankuasanya terdiri daripada pemimpin tempatan.

7. Di bawah RMK 8, RMK 9 dan RP 1 (RMK 10) sebanyak 119 projek perumahan rakyat telah dirancang yang merangkumi 84,131 unit rumah. Dari jumlah ini 85 projek merangkumi 65,746 unit telah disiapkan. 30 projek merangkumi 16,615 unit masih dalam pembinaan di pelbagai peringkat kemajuan dan 4 lagi merangkumi 1,770 unit masih dalam perancangan dan akan dimulakan pada tahun ini.

8. Projek ini dibina oleh kontraktor Nusa Baiduri Sdn Bhd. Tanah untuk projek ini telah diserahkan oleh Kompleks Tanjung Malim secara percuma kepada Kerajaan. Ini menetapi aspirasi gagasan 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Projek PPR Kg Hassan ini adalah janji BN semasa pilihanraya kecil Hulu Selangor 2010.

9. Turut hadir di majlis ini adalah Datuk Ahmad Bin Haji Kabit, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Dato' Abu Bakar bin Hassan Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara; Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Langat, Nusa Baiduri Sdn Bhd dan pegawai kanan KPKT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my